

27 AUG 1997

Muhyiddin-Bina badan

KABINET MINTA HAMID SELESAIKAN MASALAH PENGHARAMAN ATLET BINA BADAN

KUALA LUMPUR, 27 Ogos (Bernama) -- Kabinet hari ini memandang serius tindakan pengharaman ke atas peserta lelaki beragama Islam mengambil bahagian dalam sukan bina badan oleh Jabatan Agama Islam Sarawak (JAIS) minggu lepas.

Menteri Belia dan Sukan Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata kabinet juga meminta Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Dr Abdul Hamid Othman untuk berbincang dengan kerajaan negeri bagi menangani isu itu.

"Kita tidak mahu orang awam mempunyai pandangan negatif terhadap negara ini terutamanya kita dalam persiapan untuk menganjurkan Sukan Komanwel tahun depan," katanya kepada pemberita selepas mesyuarat mingguan kementerian di pejabatnya, di sini, hari ini.

Muhyiddin berkata beliau bimbang jika masalah itu tidak ditangani dengan segera dan berlarutan, ia akan memburukkan imej negara sekali gus mungkin akan menjejaskan temasya sukan itu nanti.

Beliau juga kesal kerana Johor dan Kelantan menyatakan sokongan mereka terhadap tindakan JAIS walaupun kenyataan itu bukannya oleh Ketua Menteri atau pun Menteri Besar tetapi pegawai negeri.

"Mereka sepatutnya memberikan pilihan atau alternatif dalam menyelesaikan perkara ini, bukan setakat berkata tidak.. tidak.. tidak," katanya.

Beliau berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengingatkan bahawa banyak negara Islam melihat Malaysia sebagai contoh dan isu pengharaman atlet bina badan lelaki itu patut diselesaikan segera.

Minggu lepas, Persatuan Bina Badan Sarawak menerima surat daripada ketua pegawai penguatkuasa JAIS, Osman Ibrahim, yang melarang lelaki Islam daripada menyertai kejohanan "Mr Kuching 1997" pada 23 Ogos.

Surat itu menyatakan aurat lelaki Islam iaitu dari pusat hingga ke lutut didedahkan kepada awam dalam pertandingan bina badan dan JAIS mengkategorikan ini sebagai perbuatan "tidak senonoh" mengikut Seksyen 4(1) Ordinan Kesalahan Jenayah Syariah.

Mengikut seksyen itu, pesalah boleh didenda tidak lebih daripada RM1,000 atau hukuman penjara maksima enam bulan atau kedua-duanya sekali jika sabit kesalahan.

Bagaimanapun, tiga peserta beragama Islam -- Rabu Suhaili, Rusli Kassim dan Bujang Jamah -- tidak mengendahkan larangan itu dan mengambil bahagian dalam kejohanan itu. -- BERNAMA

HRS NAK